

18/11/2001

Gerakan sokong PBS sertai BN

KUALA LUMPUR: Gerakan mengulangi pendirian untuk menyokong Parti Bersatu Sabah (PBS) jika parti itu benar-benar jujur dan ikhlas ingin kembali ke pangkuan Barisan Nasional (BN).

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata Gerakan sanggup menelan maruah dan melupakan `lukanya' demi kebaikan negara.

"Pada 1986, saya sendiri yang membawa permohonannya (PBS) untuk menjadi ahli BN kepada Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri. Kemudian mereka diterima masuk ke BN.

"Pada pilihan raya umum 1990, mereka memutuskan untuk keluar daripada BN dan mereka langsung tiada tanggungjawab untuk memberitahu kawan dalam BN.

"Walaupun kami masih sakit hati, untuk negara, kebaikan BN dan hasrat ingin membangun serta menyatupadukan rakyat, jika mereka jujur, Gerakan akan menyokong mereka masuk BN.

"Untuk kebaikan negara, kami boleh menelan maruah dan melupakan kesakitan kita untuk mengalu-alukan penyertaan mereka dalam BN," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) parti itu di ibu pejabatnya di sini, semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, PBS boleh menyertai BN jika mereka sanggup mematuhi prinsip dan dasar serta tidak membelot atau membuat sesuatu yang memburukkan.

Bagaimanapun, katanya, beliau perlu mendapatkan persetujuan penuh daripada semua parti komponen BN khasnya parti di Sabah walaupun beliau berpuas hati dengan penyesalan dan jaminan oleh Presiden PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Sementara itu, Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, Gerakan akan memainkan peranannya untuk menguatkan BN melalui pemilihan parti berdasarkan sistem demokrasi di semua peringkat tahun depan.

Beliau berkata, pemilihan di peringkat cawangan akan diadakan pada Mac dan April depan, bahagian (Mei dan Jun), negeri (Julai dan Ogos) serta peringkat nasional (September).

"Semua jawatan pada semua peringkat termasuk di peringkat nasional akan dipertandingkan. Tiada syarat dikenakan.

"Calon hanya perlu mempunyai seorang pencadang dan penyokong. Selepas itu, pencalonan itu harus diserahkan ke ibu pejabat parti seminggu sebelum pemilihan diadakan," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan mempertahankan jawatannya pada pemilihan parti tahun depan, katanya ia bergantung kepada pencalonan dan nasihat CC.

"Saya akan mematuhi kehendak parti dan keputusan sebulat suara CC," katanya.

Dr Lim berkata, beliau dan beberapa pemimpin tertinggi parti itu akan mengadakan dialog dengan semua pemimpin berkaitan politik dan ekonomi.

(END)